

Sedikit sangat serah lesen terbang

KUALA LUMPUR: Jumlah individu yang tampil menyerahkan "Lesen Terbang" kepada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sehingga kini sangat sedikit dan tidak menepati jangkaan yang sepatutnya. Menteri Pengangkutan Anthony Loke Siew Fook yang menyuarakan kekesalan berhubung perkara itu berkata, tempoh sebulan mulai 13 September lalu diberikan untuk individu berkaitan berbuat demikian. Bagaimanapun, katanya, mereka masih berkeras menggunakan "lesen terbang" kerana mungkin beranggapan kerajaan tidak serius dalam mengenakan tindakan perundangan.

"(Jumlah lesen terbang yang dipulangkan) terlalu sedikit, mungkin orang rasa kita tidak serius. Oleh itu, saya nak ingatkan, mereka hanya ada tempoh kurang daripada dua minggu lagi untuk berbuat demikian." saya beri jaminan, tiada tindakan punitif dikenakan terhadap mereka jika tampil menyerahkan lesen terbang kepada pejabat JPJ berdekatan, malah kita akan beri bantuan penyelesaian." Ia termasuk membantu mereka mendapatkan lesen yang sah," katanya pada sidang media selepas mengadakan lawatan ke JPJ Wilayah Persekutuan di sini, semalam.

Siew Fook berkata, kerajaan tidak berniat untuk mengheret individu yang masih menggunakan lesen terbang ke JPJ dan mahkamah meskipun mempunyai latar belakang dan maklumat mengenai mereka. Sehubungan itu, katanya, jalan terbaik ialah akur dengan arahan untuk memulangkan lesen terbang selain menggunakan saluran betul bagi mendapatkan lesen memandu yang sah.

SUMBER: HARIAN METRO | M/S: 20 | 3 OKTOBER 2018